



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA MENAIKTARAF EMPAT (4) UNIT PAPAN IKLAN "BILLBOARD" DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN. (MBKT SH 20 / 2024)	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE13	RM20.00

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor** sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **AHAD, 24 MAC 2024** hingga **AHAD, 31 MAC 2024** yang boleh dibuat secara Wang Tunai /Deraf Bank yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"
- Sebut harga ini akan ditutup pada hari ISNIN, 1 APRIL 2024.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebut harga tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu